

Sinar Harian diiktiraf

Ketua biro terima Pingat Kebesaran Jabatan Bomba atas sumbangan kepada agensi itu

ROSMIZA KASIM

KOTA BHARU

Ketua Biro *Sinar Harian* Kelantan, Mohd Zailani Abd Rahman, antara 35 penerima Pingat Kebesaran Jabatan Bomba pada majlis di sebuah hotel di sini, semalam.

Pada majlis sama, 91 orang turut menerima Anugerah Khidmat Cemerlang dan Sijil Khidmat Terpuji yang disampaikan Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Datuk Seri Wan



Mohd Zailani menerima Pingat Kebesaran Jabatan Bomba daripada Wan Mohd Nor, semalam.

Mohd Nor Ibrahim.

Mohd Zailani yang juga bekas Pengerusi Kelab Media Kelantan berkata, anugerah itu pengiktirafan diberikan kepada warga media, khususnya *Sinar Harian* bagi memastikan maklumat disampaikan dengan cara berkesan kepada masyarakat.

Menurutnya, anugerah itu juga sekali gus menaikkan semangat wartawan berkongsi maklumat tepat, khususnya jabatan bomba yang diketahui mempunyai peranan besar.

"Jabatan bomba antara agensi banyak beri sumbangan kepada masyarakat,

apatah lagi dalam arus teknologi dan media sosial serba pantas ini, setiap maklumat perlu disampaikan dengan cekap dan tepat,

"Saya berasakan bomba telah memainkan peranan ini sebaiknya," katanya.

Mohd Zailani berkata, antara tragedi tidak boleh dilupakan sepanjang bertugas di Kelantan adalah situasi banjir besar pada 2014 dan tragedi kebakaran di sebuah kilang di Pengkalan Chepa tiga tahun lalu yang menyebabkan beberapa anggota bomba tercedera.

"Ketika itu, jurugambar *Sinar Harian* di tempat kejadian, berdepan situasi cemas apabila letupan berlaku.

"Jurugambar sempat rakan beberapa anggota bomba yang terbakar akibat letupan. Itulah kami lakukan bagi pastikan pembaca dapat maklumat," katanya.

Jumlah mangsa mati lemas lebih tinggi

KOTA BHARU - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia merekodkan secara purata jumlah mangsa mati lemas di air masih lagi tinggi di negara ini berbanding kes kematian disebabkan kebakaran sepanjang setahun lalu.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Wan Mohd Nor Ibrahim berkata, sepanjang tahun lalu 700 kematian lemas dicatatkan, manakala kematian akibat kebakaran pula lebih kurang 150 dalam tempoh setahun.

Menurutnya, selain tanggungjawab utama digalas oleh jabatan, pihaknya sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai program pencegahan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat.

"Kita beri perhatian semua aspek keselamatan. Kita bagi perhatian aspek lemas yang berlaku di seluruh negara, dengan angka kematian jauh lebih tinggi daripada kematian disebabkan kebakaran.

"Kematian akibat lemas ini perkara paling dramatik. Kita lihat amat sukar untuk melaksanakan program pencegahan secara komprehensif.

"Sekarang ini kita telah tekankan kepada aspek amaran menerusi tanda keselamatan di kawasan berisiko," katanya, semalam. Terdahulu beliau menyampaikan Pingat Kebesaran Jabatan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Sijil Perkhidmatan Terpuji Tahun 2017 kepada 126 penerima.